

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 17.06.2014

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kedudukan terkini sistem AES(Automated enforcement system) dan jumlah kos yang ditanggung oleh Kerajaan untuk mengambillalih syarikat-syarikat yang mengendalikan sistem ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan masih dalam proses rundingan dengan kedua-dua syarikat pengendali AES bagi tujuan

pengambilan alih program AES daripada dua syarikat terlibat. Memandangkan proses pengambilan alih AES masih dalam peringkat rundingan, sebarang bentuk maklumat berkaitan termasuk amaun bayaran ganti rugi atau pampasan merupakan maklumat sulit dan terperingkat. Ini penting dipatuhi bagi memelihara kepentingan pihak-pihak yang terlibat dengan rundingan berkenaan. Selain itu, Kerajaan telah menzahirkan komitmen agar pengambilan alih pelaksanaan AES dilakukan secara teratur, berhemah dan berintegriti supaya syarikat tidak memperolehi keuntungan yang berlebihan di samping tidak membebankan kewangan Kerajaan. Untuk itu, amaun pampasan yang akan dibayar adalah berdasarkan kepada asas/kaedah penilaian yang munasabah mengikut prinsip *fair and reasonable value*.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Datuk Raime bin Unggi [Tenom]

TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah kerja-kerja menangani masalah banjir di bawah Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Padas yang telah disiapkan pada 2011 lalu bagi memastikan daerah seperti Tenom, Nabawan, Beaufort, Keningau dan Tambunan terhindar dari pada bencana banjir lagi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sg. Padas ini telah mengesyorkan cadangan untuk tindakan secara struktur yang harus diambil oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan secara berperingkat.

Cadangan-cadangan kerja menangani masalah banjir akan diberi keutamaan terlebih dahulu bagi kawasan-kawasan komersial dan kritikal Di Daerah Tenom dan Beaufort.

Sehingga kini, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) akan melaksanakan RTB Sg. Padas di Pekan Beaufort dengan peruntukan sejumlah RM11 juta dalam *Rolling Plan* Keempat (RP4) RMKe-10.

Pihak JPS juga dalam perancangan untuk menyediakan reka bentuk terperinci dan kerja fizikal untuk Daerah Tenom dalam RMKe-11 tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)

DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
[PENDANG]

SOALAN :-

Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

(a) adakah Kerajaan sedar bahawa perkhidmatan syarikat-syarikat pemungut sampah swasta yang dilantik oleh Kerajaan sangat tidak memuaskan dan pungutan sampah tidak mengikut jadual dan tidak mengikut arahan Pihak Berkuasa Tempatan. Bayaran yang dibayar kepada syarikat tersebut tidak setimpal dengan kualiti kerja mereka; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula kontrak ini dan kembalikan kegiatan pungutan sampah kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang kosnya lebih rendah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memantau syarikat-syarikat konsesi yang diberi tanggungjawab memungut sampah di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkaitan. Dalam hal ini, syarikat konsesi menerima arahan daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA). Kementerian sentiasa memastikan syarikat-syarikat berkenaan mematuhi *Key Performance Index* (KPI) yang telah ditetapkan di bawah Perjanjian Konsesi. Jika mana-mana syarikat gagal mematuhi KPI yang telah ditetapkan, Kementerian akan mengenakan penalti yang tinggi dan akan menjejaskan bayaran yang akan dibuat kepada syarikat.

Berdasarkan pemantauan yang dilaksanakan, Kementerian mendapati bahawa mutu perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di negeri-negeri yang menerimapakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] adalah positif dan bertambah baik.

b) Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula perjanjian konsesi ini kerana pelaksanaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam oleh Kerajaan Persekutuan telah meningkatkan tahap perkhidmatan kutipan sisa pepejal serta pematuhan jadual kerja yang lebih konsisten.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014